

## PEMAHAMAN AYAT BERUNSUR *HADHF AL-KALIMAH* DI DALAM SURAH YASIN DALAM KALANGAN GURU TAKMIR DI SELANGOR

### *THE UNDERSTANDING OF HADHF-AL-KALIMAH-TYPE VERSES IN SURAH YASIN AMONG THE TAKMIR TEACHERS IN SELANGOR*

**Mohamad Syukri Abdul Rahman<sup>1</sup>**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.  
(Email: syukri@kuis.edu.my)

**Md Noor Hussin<sup>2</sup>**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.  
(Email: mdnoor@kuis.edu.my)

**Muhammad Daoh<sup>3</sup>**

Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor (UNISEL), Malaysia.  
(Email: muhammad66@unisel.edu.my)

**Ahmad Redzudin Ghazali<sup>4</sup>**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.  
(Email: redzudin@kuis.edu.my)

**Mohamad Rofian Ismail<sup>5</sup>**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.  
(Email: mohdrofian@kuis.edu.my)

**Mohd Izzuddin Mohd Pisol<sup>6</sup>**

Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
(Email: mohdizzuddin@kuis.edu.my)

**Salman Zainal Abidin<sup>7</sup>**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.  
(Email: salman@kuis.edu.my)

**Sri Andayani Mahdi Yusuf<sup>8</sup>**

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Malaysia.  
(Email: p87530@siswa.ukm.edu.my)

**Nurfida'iy Salahuddin<sup>9</sup>**

Pembantu Penyelidik  
(Email: fidaiy13@yahoo.com)

**Received date:** 14-11-2019

**Revised date:** 12-12-2019

**Accepted date:** 28-12-2019

**Published date:** 30-12-2019

**To cite this document:** Rahman, M. S.A., Hussin, M. N., Daoh, M., Ghazali, A. R., Ismail, M. R., Pisol, M. I. M., Abidin, S. Z., Yusuf, S. A. M. & Salahuddin, N. (2019). Pemahaman Ayat Berunsur *Hadhf Al-Kalimah* di dalam Surah Yasin dalam Kalangan Guru Takmir di Selangor. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(8), 278-293.

**DOI:** 10.35631/ijhpl.280021

**Abstrak:** Perintah *mentadabbur* dalam al-Quran jelas mencakupi segala hal berkaitan al-Quran baik pada susunan bahasanya mahupun kandungannya, petunjuk-petunjuk mahupun mukjizatnya. Bahasa yang dipilih oleh Allah SWT dalam menyampaikan wahyu adalah bahasa Arab yang mempunyai ciri-ciri tersendiri dalam pembentukan sesuatu ayat, iaitu merujuk kepada aspek tatabahasa, retorika dan semantik. Ciri istimewa yang terdapat dalam bahasa Arab ialah elipsis atau *al-Hadhf* atau diterjemahkan dalam bahasa Melayu mudah sebagai elipsis atau pengguguran. Jika diteliti pada kitab-kitab bahasa, perbincangan tentang elipsis (*al-Hadhf*) termasuk dalam bidang retorik Arab atau disebut *al-Balaghah al-'Arabiyyah*. Kajian ini bertujuan meneroka kefahaman guru-guru takmir di Selangor terhadap ayat-ayat berunsur *Hadhf al-Kalimah* yang terdapat di dalam surah Yasin. Di harapkan hasil kajian ini dapat memberikan kefahaman yang mendalam kepada masyarakat terhadap ayat-ayat *Hadhf al-Kalimah* yang terdapat di dalam al-Quran.

**Kata Kunci:** Pemahaman Guru Takmir, *Hadhf al-Kalimah*, Surah Yasin

*Abstract: It is clear that the command to apply tadabbur in Al-Quran includes all matters pertaining to it whether it is with regard to language structure or its content, signs or the miracles of Al-Quran. Arabic language which is the language chosen by Allah SWT in order to send down the Revelations has unique characteristics of sentence construction i.e. relating to the aspects of grammar, rhetoric, and semantics. One of the special features of the Arabic language is ellipsis or al-Hadhf al-Kalimah, or in plain language, it refers to the omission of words or phrases from speech or writing. If we scrutinize various books on the language, we will be able to ascertain that the discussion on ellipsis belongs to the field of Arabic rhetoric or al-Balaghah al-Arabiyyah. Therefore, the aim of this study is to find out to what extent is the understanding among Takmir teachers in Selangor of al-Hadhf-al-Kalimah-type verses in surah Yasin. It is hoped that from the outcome of this study the public will have a deeper understanding and appreciation of al-Hadhf al-Kalimah in Al-Quran.*

**Keywords:** Level of Understanding among Takmir Teachers, *Hadhf al-Kalimah*, Surah Yasin

---

## **Pendahuluan**

Kajian ini ingin mengetahui secara mendalam pemahaman guru-guru takmir di Selangor terhadap ayat-ayat al-Quran yang mempunyai unsur *Hadhf al-Kalimah* khususnya di dalam surah Yasin berdasarkan Kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman. Kajian telah dijalankan ke atas beberapa orang guru takmir di Selangor dengan menggunakan persampelan bertujuan melalui kaedah temubual berstruktur untuk mengumpul data kajian.

## **Latar Belakang**

Al-Quran yang diturunkan sejak 1400 tahun dahulu mempunyai kekuatan nilai universal yang meliputi seluruh disiplin ilmu yang ada di dunia ini. Bahkan penggunaan al-Quran juga telah memasuki bidang sains dan teknologi seperti perubatan, astronomi, psikologi dan seumpama dengannya serta tidak terbatas dengan ilmu agama semata-mata. Namun begitu, setiap perkembangan ilmu di zaman ini mempengaruhi pemahaman manusia terhadap teks al-Quran itu sendiri. Kefahaman terhadap tafsiran ayat ini dalam kalangan ahli tafsir silam sama ada dalam bidang tafsir yang bersandarkan kepada nas (*al-Ma'thur*) atau bidang tafsir yang bersandarkan kepada nas dan akal (*al-Ra'yiy*) adalah dari sudut yang berbeza.

Jelas sekali al-Quran diturunkan bukan sekadar untuk dibaca tetapi harus dipelajari, dihayati dan diteladani. Perintah *mentadabbur* dalam al-Quran jelas mencakupi segala hal berkaitan

al-Quran baik pada susunan bahasanya mahupun kandungannya, petunjuk-petunjuk mahupun mukjizatnya. Bahasa yang dipilih oleh Allah SWT dalam menyampaikan wahyu adalah Bahasa Arab yang mempunyai ciri-ciri tersendiri dalam pembentukan sesuatu ayat, iaitu merujuk kepada aspek tatabahasa, retorika dan semantik. Ciri istimewa yang terdapat dalam Bahasa Arab ialah elipsis atau *al-Hadhf* atau diterjemahkan dalam Bahasa Melayu mudah sebagai elipsis atau pengguguran. Jika diteliti pada kitab-kitab bahasa, perbincangan tentang elipsis (*al-Hadhf*) termasuk dalam bidang retorik Arab atau disebut *al-Balaghah al-'Arabiyyah*.

### **Pernyataan Masalah**

Al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang penuh dengan mukjizat khususnya dari sudut bahasa dan Balaghah. Antara keistimewaan al-Quran ialah mempunyai unsur *al-i'jaz*, *al-itnab* dan *al-musawat*. Dalam kajian ini penyelidik cuba mengenengahkan *al-i'jaz* dalam al-Quran, iaitu *i'jaz bi al-hadhf* dengan mengaitkan kajian lapangan berkaitan kefahaman guru-guru takmir terhadap terjemahan maksud ayat-ayat al-Quran yang mempunyai unsur-unsur *al-hadhf* berdasarkan kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman terbitan JAKIM.

Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mendedahkan unsur-unsur *al-Hadhf* dalam al-Quran (surah Yasin) dan membantu pencinta al-Quran dalam memahami ayat berkaitan dengan lebih mendalam. Dalam hal ini, penyelidik berpandangan bahawa pemahaman maksud al-Quran melalui terjemahan memerlukan pemahaman tentang tajuk-tajuk ilmu Balaghah terutama *al-Hadhf*. Tanpa memahami ilmu Balaghah pembaca tidak dapat menyelami maksud sebenar ayat al-Quran. Di antara faktor yang dilihat oleh penyelidik menjadi isu utama dalam kelemahan tersebut ialah tidak ada huraian dan penjelasan dalam aspek Balaghah pada terjemahan al-Quran dalam Bahasa Melayu. Justeru, bagi menyelesaikan isu ini penyelidik merasakan keperluan kepada satu kajian sistematik yang dapat membantu para pencinta al-Quran dalam memahami dan mendalami maksudnya dengan lebih baik.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini secara khusus bertujuan mengkaji pemahaman maksud ayat-ayat yang mempunyai unsur-unsur *Hadhf al-Kalimah* di dalam surah Yasin dalam kalangan guru Takmir di Selangor.

### **Persoalan Kajian**

Persoalan utama yang perlu diberi perhatian dalam kajian ini ialah bagaimanakah tahap kefahaman guru-guru takmir terhadap ayat-ayat *Hadhf al-Kalimah*.

### **Kepentingan Kajian**

Dapatan kajian yang diperolehi boleh dijadikan panduan atau asas setiap guru takmir dalam mengenal pasti permasalahan dan kelemahan tahap pemahaman terhadap unsur-unsur *Hadhf al-Kalimah* dalam al-Quran berdasarkan surah Yasin. Selain itu, dapatan kajian dapat digunakan untuk meningkatkan profesionalisme guru takmir dalam memahami al-Quran khususnya yang berkaitan dengan *Hadhf al-Kalimah*. Cadangan dan penambahbaikan kajian turut dikemukakan agar ianya membantu dalam peningkatan pemahaman guru takmir terhadap unsur-unsur *Hadhf al-Kalimah* dalam al-Quran iaitu surah Yasin dengan baik.

## **Batasan Kajian**

Kajian ini berasaskan kepada beberapa batasan antaranya:

- i. Penyelidikan ini memfokuskan kepada pemahaman maksud ayat-ayat yang mempunyai unsur *Hadhf al-Kalimah* di dalam surah Yasin berdasarkan kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman terbitan JAKIM dalam kalangan guru takmir di Selangor.
- ii. Peserta utama kajian ini terdiri daripada guru-guru takmir di negeri Selangor yang dipilih berdasarkan persampelan bertujuan.

## **Definisi Operasional Kajian**

Secara umum, *al-Hadhf* ialah pengguguran satu bahagian dalam ayat sama ada huruf, perkataan, *tarkib* dan ayat dengan syarat terdapat *dilalah* (petunjuk) yang menunjukkan terdapat elemen yang digugurkan dalam pertuturan atau penulisan (al-Samirra'iy, 1998). Dalam konteks kajian ini *al-Hadhf* akan dihuraikan kepada satu bahagian sahaja iaitu *Hadhf al-Kalimah* khususnya *al-Hadhf* yang terdapat di dalam surah Yasin.

## **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif berdasarkan permasalahan kajian yang telah dikemukakan. Kaedah penyelidikan yang paling sesuai digunakan bagi mendapatkan satu mekanisme pemahaman ayat yang mempunyai unsur *al-Hadhf* di dalam surah Yasin dalam Tafsir Pimpinan al-Rahman. Ini kerana ia memerlukan penelitian menyeluruh daripada data-data yang dikumpulkan seterusnya akan dianalisis sehingga menjawab objektif yang dikehendaki dan bersesuaian dengan konsep yang dikaji. Pendekatan kualitatif ini dipilih bagi membolehkan pengkaji melihat situasi sebenar iaitu aktiviti yang berlaku, dilihat dan dialami dalam suasana yang sebenar dalam persekitaran kawasan kajian (Yin, 1994).

### ***Peserta Kajian***

Dalam kajian ini, informan atau peserta kajian adalah seramai enam orang guru takmir daerah Selangor. Dalam kajian kualitatif jumlah peserta adalah kecil, maka untuk memahami fenomena yang dikaji, peserta kajian mestilah bertujuan dan bersesuaian untuk dipilih sebagai peserta kajian (Merriam, 2015). Peserta kajian merujuk kepada mereka yang diminta memberi fokus kepada fakta-fakta berdasarkan soalan temu bual yang memerlukan seseorang itu membina semula pengalaman secara aktif dalam konteks mereka berada (Seidman, 1998). Tujuan pemilihan peserta kajian adalah untuk memberi gambaran daripada pelbagai sudut untuk fenomena yang dikaji (Barbour, 2007).

### ***Lokasi Kajian***

Penentuan pilihan tempat kajian merupakan hal yang mustahak bagi kejayaan sesebuah kajian. Dalam pemilihan tempat kajian perlu mengambil kira sifat dan keperluan kajian bagi memastikan tempat yang dipilih tidak membataskan apa yang ingin dikaji (Jorgensen, 1989). Kajian ini dijalankan ke atas guru-guru takmir di negeri Selangor.

### ***Tempoh Kajian***

Kajian lapangan dapat dipendek atau dipanjangkan mengikut keperluan kajian (Jorgensen, 1989) tetapi jangka masa yang ditetapkan ini adalah mencukupi. Ini berdasarkan kepada beberapa penyelidikan kualitatif menggunakan kaedah kajian kualitatif deskriptif yang pernah dijalankan di negara ini mengambil masa tiga bulan (Aini Hassan, 1996; Wan Hasmah Wan Mamat, 2000). Dalam kajian ini tempoh kajian yang telah dijalankan bermula dari 1 Disember 2017 sehingga 30 November 2018. Kajian ini dijalankan selama satu tahun.

### **Kaedah Pengumpulan Data**

Penyelidik telah mengemukakan surat keizinan kepada Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Islam JAIS bagi menjalankan kajian. Setelah mendapat kebenaran, penyelidik telah mengumpulkan data melalui sesi temu bual.

Penyelidikan ini menggunakan teknik pengumpulan data secara temu bual berstruktur. Secara keseluruhannya, penyelidikan ini mendapatkan data melalui temubual yang dilakukan kepada guru-guru takmir di negeri Selangor yang dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Menurut Elly et al., (1998) semasa pengumpulan data penyelidik perlu untuk menyesuaikan diri, berkebolehan berinteraksi, berkemampuan membuat interpretasi, melakukan analisis serta peka dengan fenomena yang berlaku di persekitarannya. Dalam kajian ini maklumat berkaitan kefahaman guru takmir tentang ayat-ayat yang mempunyai unsur *Hadhf al-Kalimah* khususnya dalam surah Yasin dicungkil secara mendalam.

#### ***Temubual***

Temubual telah dijalankan di lokasi kajian. Kumpulan penyelidik telah menemubual guru-guru takmir secara bertujuan. Temu bual merupakan satu kaedah pengumpulan data yang melibatkan aktiviti seorang pengkaji menyoal untuk mendapatkan jawapan-jawapan atau respon yang dihajati daripada peserta kajian (Robson, 2002). Peserta kajian ini ialah guru-guru takmir yang ditemu bual untuk tujuan kajian iaitu meneroka bagaimanakah tahap kefahaman guru-guru takmir terhadap ayat-ayat *Hadhf al-Kalimah*.

Selain itu, pengkaji perlu dapat meyakinkan peserta kajian bahawa setiap perbualan mereka hanya untuk tujuan kajian dan akan dirahsiakan. Pengkaji menggunakan teknik *probing* (mencungkil) untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang sesuatu perkara seperti mengemukakan soalan yang bersifat khusus. Hal ini bersesuaian dengan pandangan Taylor & Bogdan (1984) menyatakan dalam proses temu bual pengkaji perlu meminta peserta kajian menghuraikan sesuatu perkara dengan lebih lanjut dengan meminta peserta memberikan contoh-contoh.

### **Kaedah Penganalisan Data**

Kajian ini menggunakan dua kaedah penganalisan data iaitu melalui pendekatan perbandingan dan pendekatan tematik. Kaedah yang digunakan adalah berbeza mengikut permasalahan yang dikemukakan bagi mendapatkan keputusan dan hasil kajian. Hasil dapatan kajian akan disenaraikan oleh penyelidik berdasarkan ayat-ayat yang mempunyai unsur *Hadhf al-Kalimah* serta mencungkil kefahaman guru takmir pada terjemahan ayat tersebut.

Penganalisan data merupakan proses memberi makna terhadap data-data yang diperolehi tanpa membuat analisis dalam bentuk nombor. Dalam proses pemberian makna pelbagai aktiviti perlu dibuat seperti proses menggabung, mengurang dan membuat interpretasi berdasarkan apa yang dikatakan oleh peserta kajian dan apa yang diperhati atau dibaca untuk memastikan data yang diberikan mempunyai makna (Bogdan dan Biklen, 1998; Merriam, 1998).

Dalam penyelidikan secara kualitatif, proses penganalisan data dijalankan sebaik sahaja aktiviti pengumpulan data bermula. Setelah menjalankan temu bual pertama, pemerhatian pertama dan membaca dokumen kali pertama adalah titik permulaan analisis data kualitatif (Merriam, 1998). Proses ini dijalankan serentak dan berterusan dengan aktiviti pengumpulan

data. Kelebihan menggunakan analisis berterusan ini dapat menentukan data yang akan dipungut seterusnya tidak berulang. Analisis secara berterusan perlu dilakukan untuk meneliti data yang telah diperoleh telah mencukupi dan relevan untuk menjawab persoalan kajian. Dengan membuat analisis awal, ia memberi panduan untuk proses pengumpulan data seterusnya. Hal ini akan menguntungkan pengkaji dari segi kos, masa dan tenaga.

Disimpulkan bahawa, penganalisan data yang dibuat secara berterusan sepanjang tempoh pengumpulan data telah mengelakkan berlakunya longgokkan data. Proses seperti ini akan memudahkan kerja penganalisan selepas pengumpulan data kerana data yang diperoleh tersusun secara sistematik.

### **Kajian-Kajian Lepas**

Berdasarkan kajian Ahmad Baha' Mokhtar (2015) dalam *Hadf dan Ithbat al-Alif dalam Ilmu Rasm Uthmani: Kajian Terhadap Tiga Mushaf Terpilih* membincangkan pelaksanaan kaedah *Hadhf* dan *ithbat alif* dalam ilmu *Rasm Uthmani*. Perbincangan memfokuskan praktik pelaksanaan *Hadhf* dan *Ithbat alif* dalam penulisan tiga mushaf *Rasm Uthmani* terpilih iaitu *Mushaf Madinah Riwayat Hafs*, *Mushaf al-Muhammadi al-Sharif Riwayat Warsh* dan *Mushaf al-Jamahiriyah Riwayat Qalun*, di samping meneliti sejauh manakah persamaan dan perbezaan pelaksanaan *Hadhf* dan *Ithbat alif* dalam tiga mushaf tersebut dan adakah perbezaan antara dalam ketiga-tiga mushaf ini boleh menjejaskan kedudukannya sebagai mushaf *Rasm Uthmani*. Persoalan-persoalan ini dianalisis dalam satu kajian bersifat kualitatif menerusi pengumpulan data berasaskan metode dokumentasi. Pemilihan tiga mushaf ini dalam kajian tersebut sebagai sampel kajian adalah kerana metodologi dan sumber rujukan penulisan mushaf-mushaf tersebut jelas. Selain itu, ketiga-tiga mushaf terpilih adalah menjadi sumber rujukan utama dalam kajian penulisan mushaf *Rasm Uthmani*.

Objektif kajian tersebut adalah untuk mencari punca dan sebab perbezaan kaedah *Hadhf* dan *Ithbat alif* dalam penulisan mushaf-mushaf *Rasm Uthmani* yang ada pada hari ini. Antara dapatan penting kajian ialah penulisan tiga mushaf *Rasm Uthmani* terpilih telah mematuhi kaedah-kaedah *Hadhf* dan *Ithbat alif* dalam ilmu *Rasm Uthmani* dengan berpandukan kepada riwayat-riwayat ulama ilmu *Rasm*. Manakala perbezaan *Hadhf* dan *Ithbat alif* yang berlaku antara tiga mushaf tersebut adalah kerana perbezaan metode di dalam perlaksanaannya. Justeru diyakini bahawa kaedah *Hadhf* dan *Ithbat alif* yang diguna pakai di dalam penulisan tiga mushaf terpilih secara keseluruhannya telah menepati *Rasm Mushaf* yang ditulis pada zaman 'Uthman bin 'Affan (r.a.).

Manakala dalam kajian bertajuk *Pemeliharaan Al-Qur'an: Kajian Di Unit Kawalan Teks Al-Qur'an Kementerian Keselamatan Dalam Negeri* oleh Abd Rahman Abd Ghani (2009), Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Di dalam bab lima kajian tersebut turut membincangkan sedikit persoalan *Hadhf*. Tetapi perbincangannya hanya tertumpu pada bentuk tanda baca bagi huruf-huruf yang *dihadhf*. Tidak terdapat perbincangan tentang perbandingan *Hadhf* dan *Ithbat alif* di dalam mushaf-mushaf *Rasm Uthmani*.

Satu kajian pada tahun 2010 oleh Bashir Hasan Himyari bertajuk *al-Muqni' fi Ma'rifah Marsum Masahif Ahl al-Amsar, li Abi 'Amr al-Dani d. 444H: Dirasah wa Tahqiq*, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kajian tersebut adalah satu kajian *tahqiq* memfokuskan kepada teks kitab *al-Muqni'*. Penulis dalam kajian tersebut dalam bab dua telah menyentuh perkataan-perkataan *Hadhf* menurut riwayat Abu 'Amr al-Dani pengarang *al-Muqni'* sebagai salah seorang ulama *Rasm* yang

ulung di samping memberi ulasan-ulasan tambahan berkaitan topik tersebut. Namun dalam kajian tersebut tiada kajian perbandingan antara *Hadhf* yang berlaku di dalam penulisan mushaf.

Dalam disertasi Mahdi ‘Abd Allah Qari (1422 H), bertajuk *Tahqiq wa Dirasah Kitab al-Jawahir al-Yara‘iyyah fi Rasm al-Masahif al-‘Uthmaniyyah li Muhammad Bin Ahmad al-‘Awfi Nazil al-Qantantiniyyah al-Mutawaffa 1050 H*, Fakulti Dakwah dan Usuluddin, Universiti Umm al-Qura, Saudi Arabia. Kajian tersebut juga adalah tahqiq kitab dalam bidang ilmu Rasm. Terdapat 13 perbincangan di dalam bab dua berkaitan *Hadhf*, namun perbincangan lebih kepada menyenarai perkataan-perkataan *hadhf* yang terdapat di dalam al-Quran. Namun dalam kajian tersebut tiada perbincangan tentang perbandingan *Hadhf* yang berlaku di dalam tiga mushaf terpilih.

Sebuah tesis Sarjana bertajuk *Tibyan fi Syarh Mawrid al-Zam’an li Mu’allifih Abi Muhammad ‘Abd Allah bin ‘Umar al-Sunhaji Ibn Ajatta* oleh ‘Abd al-Hafiz bin Muhammad Nur al-Hindi (2012), Fakulti al-Quran al-Karim, Universiti Islam al-Madinah al-Nabawiyyah turut membincangkan topik yang sama dengan tesis Sarjana di atas kerana kedua-dua tesis ini adalah kajian terhadap syarah kitab *Mawrid al-Zam’an*.

Abd Rahman Abd Ghani (2003), *Sejarah Rasm Al-Quran: Tumpuan Utama Kepada Rasm ‘Uthmani* iaitu satu kajian di peringkat Sarjana di Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kajian kepustakaan dijalankan tersebut berkisar tentang *Rasm ‘Uthmani*. Banyak antara bab-bab di dalam kajian ini yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan seperti perbincangan di dalam Bab Dua yang menghuraikan tentang kaedah penulisan *Rasm ‘Uthmani* dan dalam Bab Empat yang menyentuh beberapa aspek tentang tiga mushaf terpilih. Walau bagaimanapun, isu tentang perbezaan antara *Hadhf* dan *Ithbat alif* yang merupakan perbincangan utama dalam kajian ini tidak dibincangkan.

Selain itu, terdapat keterangan berhubung *Hadhf* dalam satu penulisan tesis Sarjana bertajuk *al-Tanbih al-‘Atsyah ‘ala Mawrid al-Zam’an li Abi Husayn bin ‘Ali bin Talhah al-Rajraji al-Susyawi al-Mutawaffa Sanah 899 H* oleh Muhammad Salim Harisyah (2006), Fakulti Sastera dan Sains, Universiti al-Muraqqab, Libya. Dalam bab dua di bawah tajuk *al-Hadhf* penulis telah menukulkan teks daripada kitab *al-Tanbih al-‘Atsyah* berkaitan *Hadhf* di samping itu, beliau turut membuat ulasan-ulasan berkaitan dengannya. Perkara yang diketengahkan oleh pengkaji ialah perkataan-perkataan yang ditulis dengan *Hadhf* di dalam al-Quran.

Terdapat sebuah artikel oleh Ahmad Khalid Syukri (2010) berjudul *al-Tarjih wa al-Ta‘lil li Rasm wa Dabt Ba’d Kalimat al-Tanzil*, artikel ini juga adalah daripada terbitan *Jurnal al-Imam al-Syatibi li al-Dirasat al-Qur’aniyyah*. Dalam artikel tersebut penulis cuba menangani isu sejumlah perkataan yang mempunyai ejaan yang berbeza-beza yang dianggap sebagai isu-isu ilmu Rasm yang baru dibangkitkan semula. Beliau mengumpul sejumlah perkataan yang berkaitan dan mencadangkan satu ejaan yang dianggap paling kuat. Perkataan-perkataan yang disenarikan di dalam artikel tersebut berjumlah 18 yang berkaitan *Hadhf*. Masih terdapat banyak lagi perkataan-perkataan yang berkaitan *Hadhf* tidak disentuh.

Manakala dalam kajian Wan Rohani Wan Mokhtar (2012) Penggunaan *uslub khabari* dalam Al-Quran: Kajian terhadap Surah Yasin menyatakan bahawa Al-Quran adalah kalam Allah yang diturunkan kepada junjungan besar nabi Muhammad SAW untuk disampaikan kepada

manusia sejagat. Ia mengandungi pelbagai panduan untuk membawa manusia mencapai keredhaan Allah serta kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Al-Quran mempunyai cara dan gaya bahasa tersendiri dalam menyampaikan mesejnya kepada manusia. Antara cara penyampaian yang digunakan di dalam al-Quran ialah dengan menggunakan uslub khabari.

Kajian tersebut dijalankan adalah untuk mengenalpasti *uslub khabari* dan penggunaannya dalam al-Quran terutamanya dalam surah Yasin. Di samping itu juga, kajian tersebut dijalankan untuk menjelaskan beberapa persoalan penting yang terdapat dalam surah Yasin seperti sebab penurunan ayat, huruf hija'iyah pada permulaan surah Yasin dan intisari surah Yasin. Selain itu, kajian tersebut dijalankan untuk menganalisis ayat-ayat yang berbentuk *uslub khabari* yang terdapat dalam surah Yasin, sama ada yang terdiri daripada bentuk *ibtida'i*, bentuk lalabe dan bentuk inkere. Ayat yang dianalisis diberikan maksud dan penghuraian mengikut pandangan ahli-ahli Tafsir, kemudian diterangkan pula tentang kaedah pembentukan ayat tersebut dalam bentuk *uslub khabari*. Hasil kajian tersebut mendapati tujuan penggunaan uslub khabari dalam surah Yasin bukan sahaja untuk menyampaikan berita kepada pendengar tetapi adalah untuk pelbagai penggunaan lain seperti penafian, penyesalan, memberi peringatan dan menggalakkan melakukan amalan kebaikan.

Dalam artikel Mohd Shahrizal Nasir (2017) bertajuk Elipsis (*al-Hadhf*) dalam al-Quran sebagai Satu Petunjuk Ketinggian Bahasa Arab Kalamullah menyatakan Elipsis atau *al-Hadhf* merupakan satu uslub yang terdapat dalam bahasa Arab dan juga bahasa lain di dunia. Uslub berperanan menyerlahkan keindahan sesuatu bahasa kerana mempamerkan kepelbagaian gaya bahasa dalam menyampaikan makna ayat. Al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW dan umatnya menggunakan bahasa Arab standard. Oleh itu, kewujudan elipsis atau *al-Hadhf* dalam al-Quran menunjukkan bahawa pemahaman terhadap ayat al-Quran memerlukan pengetahuan yang baik tentang tatabahasa Arab. Hal ini menjelaskan bahawa ayat al-Quran tidak boleh ditafsir oleh orang awam tanpa penguasaan ilmu tatabahasa Arab.

Namun begitu, hal ini tidak membawa pengertian bahawa ayat-ayat al-Quran sukar untuk difahami. Makalah tersebut membincangkan kewujudan Elipsis (*al-Hadhf*) dalam bahasa Arab dan kewujudannya dalam al-Quran. Beberapa ayat al-Quran dianalisis bagi memahami Elipsis (*al-Hadhf*) dan fungsinya dalam membawa makna ayat al-Quran secara jelas. Dapatan analisis menunjukkan bahawa pemahaman Elipsis (*al-Hadhf*) mempunyai kaitan yang rapat dengan kaedah tatabahasa Arab atau *al-Nahw al-'Arabiyy*. Justeru, penguasaan terhadap tatabahasa Arab merupakan satu keperluan dalam memahami ayat-ayat al-Quran.

Menurut Farhana Idris dan Munirah Azrae (2015) dalam Keberkesanan Pengajaran Bahasa Arab untuk Pemahaman Ayat Al-Quran menyatakan pengajian Bahasa Arab semakin mendapat tempat di hati masyarakat di Malaysia. Kepelbagaian objektif pengajian mula bercambah antaranya untuk tujuan komunikasi, akademik, perniagaan dan pengamalan agama. Kajian tersebut secara khusus bertujuan untuk mengkaji usaha yang telah dijalankan oleh pengamal Bahasa Arab di Malaysia dalam bentuk modul pengajaran khas untuk pengamalan agama iaitu memahami Bahasa Arab dalam al-Quran.

Modul terpilih adalah Belajar Bahasa Arab Menggunakan Quran Per Kata, dan Pendidikan Bahasa Arab *al-Furqan*. Modul-modul ini dipilih berdasarkan pembacaan dan pemerhatian pengkaji dimana objektif utama modul-modul ini terarah kepada pengajian Bahasa Arab untuk pemahaman al-Quran secara khusus. Setiap modul mempunyai pendekatan dan kekuatan yang tersendiri. Kajian diakhiri dengan cadangan pengaplikasian modul Bahasa



Arab bagi pemahaman ayat al-Quran ke dalam mata pelajaran Pendidikan Islam peringkat menengah rendah.

Dari sudut guru takmir pula dinyatakan dalam artikel Kamarul Azmi Jasmi et al., (2004) berkaitan Pengaruh Pemikiran Al-Nawawi dalam Metodologi Pendidikan dan Pendakwaan Terhadap Guru-Guru Takmir di Negeri Johor membincangkan mengenai Al-Imam al-Nawawi merupakan seorang tokoh pendidik dan pendakwah yang terkenal dalam dunia Islam. Banyak karya beliau masih digunakan secara *agresif* hingga sekarang dalam proses pendakwaan dan pendidikan masyarakat Islam khususnya di negeri Johor. Kesan daripada itu, banyak pemikiran tokoh tersebut mempengaruhi guru-guru takmir di negeri Johor terutamanya dari aspek metodologi dakwah dan pendidikan masyarakat. Ini terbukti dalam kajian lapan pemikiran al-Nawawi pada 2003. Semua pemikiran beliau diterima dan dipersetujui oleh guru-guru takmir bahkan diterima sebagai satu pendekatan dan metodologi umum pendakwaan dan pendidikan mereka.

Daripada Kamarul Azmi Jasmi et al., (2004) juga, artikel yang berlainan bertajuk Sumbangan Guru Takmir dalam Pembangunan dan Pendidikan Masyarakat Islam di Johor menyatakan bahawa Guru takmir merupakan penyumbang terpenting dalam pembangunan pendidikan peringkat akar umbi masyarakat Islam. Sumbangan mereka kepada kemakmuran masjid dengan memberikan pendidikan pembangunan diri masyarakat sudah menjadi satu kebiasaan dalam masyarakat Islam Malaysia umumnya dan masyarakat Islam Johor khususnya. Kajian yang dilakukan di Johor adalah di tiga daerah besar iaitu Johor Baharu, Batu Pahat dan Kluang jelas menunjukkan sumbangan mereka dalam pembangunan masyarakat ini. Kajian tersebut juga menghasilkan dapatan yang menggalakkan satu pengurusan yang lebih rapi dan tersusun dalam menyelaraskan sumbangan guru-guru takmir di masjid-masjid dan penyelarasan kurikulum pengajaran mereka agar segala sumbangan mencapai matlamat yang diharapkan oleh kerajaan, masyarakat dan rakyat.

Menurut Shuhadak Mahmud dan Ibnor Azli Ibrahim (2014) dalam Pelaksanaan Program Takmir Sebagai Medium Pengimarahannya Masjid di Negeri Sembilan menyatakan program takmir telah banyak memberikan kesan yang positif kepada perkembangan agama Islam serta pengimarahannya masjid dan surau sepanjang tempoh 25 tahun. Kerajaan negeri Sembilan juga telah menggunakan pendekatan ini sebagai medium penyampaian ilmu Islam ke tengah Masyarakat. Kajian tersebut mendapati program ini telah memberi peluang kepada masyarakat awam untuk menjadikan masjid dan surau sebagai pusat sumber bagi mendapatkan ilmu agama. Program ini juga telah dibangunkan berdasarkan kepada kepentingan kemurnian akidah, keadilan syariah dan ketinggian akhlak di dalam institusi keluarga dan masyarakat. Selain itu, program ini merupakan kaedah dakwah yang terbaik dalam pendekatan fardu ain untuk masyarakat umum. Justeru itu, kajian ini dijalankan berkaitan pemahaman maksud ayat-ayat al-Quran yang mempunyai unsur *Hadhf al-Kalimah* di dalam Surah Yasin dalam kalangan guru takmir di Selangor berdasarkan kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman.

### **Analisis Dapatan Kajian - Kefahaman Guru Takmir Terhadap Ayat-Ayat Al-Hadhf**

#### ***Konsep Hadhf Al-Kalimah Di Dalam Surah Yasin***

Persoalan kajian kedua membincangkan tentang bagaimanakah kefahaman guru-guru takmir terhadap ayat-ayat *al-Hadhf*. Untuk menjawab soalan ini pengkaji telah menggunakan pendekatan temu bual berstruktur berkaitan dengan *Hadhf al-Kalimah* dan *Hadhf al-Jumlah*.

Soalan yang disediakan berkaitan dengan aspek dalaman guru takmir yang menyentuh aspek pemahaman mereka terhadap konsep *Hadhf al-Kalimah* dan *Hadhf al-Jumlah*.

Daripada hasil temu bual ini menunjukkan bahawa guru takmir mempunyai kefahaman yang luas terhadap konsep *Hadhf al-Kalimah* dan *Hadhf al-Jumlah* yang terdapat di dalam surah Yasin. Antaranya akan terbentuklah kategori dan tema bagi menjelaskan konsep *Hadhf al-Kalimah* di dalam surah Yasin seperti mana yang dijelaskan di dalam jadual matriks perbandingan berikut.

**Jadual 1: Rumusan Tema dan Sub Tema Bagi Kategori Konsep Hadhf Al-Kalimah yang Terdapat di dalam Surah Yasin**

Kategori	Tema	Peserta					
		GT1	GT2	GT3	GT4	GT5	GT6
Pengetahuan terhadap Konsep <i>Hadhf al-Kalimah</i>	Maksud <i>al-hadhf</i>	√	x	√	√	√	√
	<i>Al-hadhf</i> dalam Balaghah	√	√	√	√	√	√
	<i>Al-hadhf</i> dalam surah Yasin	x	√	√	√	√	√
	Jenis-jenis <i>al-hadhf</i> di dalam al-Quran	x	√	√	√	√	√
	Terjemahan unsur <i>al-Hadhf</i> dalam ayat 58 surah Yasin	√	√	√	√	√	x
	Terjemahan unsur <i>al-Hadhf</i> dalam ayat 8 surah Yasin	x	x	√	√	√	x
	Terjemahan unsur <i>al-Hadhf</i> dalam ayat 5 surah Yasin	√	√	x	√	√	x
	Terjemahan unsur <i>al-Hadhf</i> dalam ayat 28 surah Yasin	x	√	√	√	√	x
	Terjemahan unsur <i>al-Hadhf</i> dalam ayat 14 surah Yasin	√	√	√	√	√	x
<b>Sumber</b>	Merujuk tafsir Pimpinan al-Rahman	√	√	x	√	√	√

Sumber: Temubual Berstruktur Guru Takmir Di Selangor

#### ***Guru Takmir Mengetahui Maksud Al- Hadhf***

Dapatan ini menunjukkan bahawa seramai lima orang guru takmir mengetahui maksud konsep *Hadhf al-Kalimah* dengan luas khususnya yang terdapat di dalam surah Yasin.

#### ***Mengetahui Unsur Al-Hadhf Dari Sudut Balaghah***

Kesemua peserta mengetahui bahawa surah Yasin mengandungi unsur *al-Hadhf* dari sudut Balaghah.

#### ***Mengetahui Al-Hadhf Di Dalam Surah Yasin***

Dapatan menunjukkan terdapat lima orang peserta berpendapat bahawa mereka mengetahui terdapat unsur *al-Hadhf* di dalam surah Yasin.

### ***Jenis-Jenis Al-Hadhf Di Dalam Al-Quran***

Hampir semua peserta kajian menyatakan terdapat jenis-jenis *al-Hadhf* di dalam al-Quran. Antara surah-surah yang terdapat *Hadhf al-Kalimah* ialah surah Yasin dan surah al-Rahman. Namun bagi peserta pertama menyatakan *Hadhf al-Kalimah* juga terdapat di dalam surah al-Rahman. Semasa temubual peserta pertama menyatakan;

*“Terdapat unsur al-hadhf dalam surah al-Rahman.”*

(GT1-TB-April2018: 1)

### ***Merujuk Tafsir Pimpinan Al-Rahman***

Dapatan kajian menunjukkan terdapat lima peserta yang menggunakan Tafsir Pimpinan al-Rahman sebagai rujukan utama dalam menterjemahkan ayat-ayat al-Quran. Tafsir Pimpinan al-Rahman ini mudah difahami kerana ia menggunakan bahasa Melayu. Hal ini menyebabkan para *muta'allim* mudah merujuk dan berasa puas akan beberapa makna yang ingin diketahui walaupun secara ringkas atau basik sahaja. Petikan ini telah dinyatakan oleh peserta kajian keempat, seperti berikut;

*“ ... sejak saya menceburi bidang tafsir ataupun nak mencari makna dan tafsir dalam bahasa Melayu ni dulu agak susah, kemudian, bila keluar Pimpinan al-Rahman ni, yang tebal tu dulu, jadi er,, saya rasa.. puas.. sebagai jawapan kepada makna-makna ataupun tafsir walaupun secara ringkas.. tapi yang kata tentang unsur hazaf tu, dia memang dah disertai sekali.. aa.. sampai sekarangpun sebagai basic..”*

(GT4-TB1-Jun2018: 8-12)

Peserta dalam kajian ini menyatakan bahawa Tafsir Pimpinan al-Rahman berjaya menjelaskan terjemahan secara *ijmali*, tidak *tahlili*. Sebagaimana yang dinyatakan oleh peserta kajian kedua, seperti berikut;

*“Tafsir al-Rahman berjaya menjelaskan terjemahan secara ijmali, tetapi tidak tahlili, Balaghahnya tidak dijelaskan dari sudut al-hadhf yang dibincangkan ini..”*

(GT2-TB1-April2018: 2-4)

Tambahan pula, peserta kajian kelima menyatakan bahawa Tafsir Pimpinan al-Rahman mudah difahami bagi golongan awam. Sebagaimana petikan berikut;

*“telah dijelaskan oleh muallif la, pengarang Tafsir Pimpinan al-Rahman ni, secara mudah untuk orang awam faham, dan err.. kalau kita baca sekali imbas ayat tersebut, maknanya maksudnya sampaila.. dan lebih bagus lagi tafsir ini juga dibimbing oleh taun guru untuk memberi lagi kefahaman yang lebih jelas, khususnya kepada orang-orang yang membaca atau mengaji ilmu tafsir ini, dengan merujuk Tafsir Pimpinan al-Rahman. wallahu 'alam.”*

(GT5-TB1-Jun2018: 21-27)

Walaubagaimanapun, terdapat seorang peserta kajian ini tidak menggunakan Tafsir Pimpinan al-Rahman sebagai rujukan dalam tafsiran ayat-ayat al-Quran akan tetapi menggunakan kitab tafsir lain untuk menterjemahkan ayat-ayat al-Quran.

*“Saya tidak menggunakan tafsir ini (Pimpinan al-Rahman) sebagai rujukan dalam tafsiran”*

(GT3-TB1-Mei2018: 5)

Ada peserta menyatakan mereka kadang-kadang menggunakan rujukan di internet atau lainnya. Kepelbagaian sumber ini menggambarkan bahawa nilai keilmuan Islam dalam bidang tafsir mendapat tempat yang khusus dalam kalangan masyarakat umum. Pernyataan peserta kajian ini telah dinyatakan semasa sesi temu bual, seperti berikut;

*“...sekarang kita pun dah banyak macam-macam maklumat dapat daripada download la..daripada kitab-kitab tafsir yang banyak melimpah ruah sekarang ni..”*

(GT4-TB1-Jun2018: 12-14)

Kemajuan teknologi telah membawa satu perubahan yang positif dalam dunia pendidikan dimana masyarakat dapat melakukan kerja secara mudah dan pantas. Kedaan ini memberi manfaat kepada para pelajar atau pendidik dalam usaha membudayakan ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang tafsir.

### ***Mengetahui Terjemahan Unsur Hadhf Al-Kalimah Dalam Ayat 5, 8, 14, 28 Dan 58 Surah Yasin***

Terdapat lima peserta kajian mengetahui bahawa di dalam surah Yasin mengandungi ayat-ayat *al-Hadhf* iaitu seperti di dalam ayat 14 dan 58 daripada surah Yasin. Seramai empat peserta kajian ini juga menyatakan terdapat unsur *al-Hadhf* pada ayat 5 dan ayat 28 di dalam surah Yasin. Manakala hanya tiga peserta kajian sahaja yang menyatakan bahawa unsur *al-Hadhf* terdapat di dalam ayat 8 daripada surah Yasin. Berikut adalah terjemahan ayat-ayat tersebut;

Ayat 14 surah Yasin

إِذْ أَرْسَلْنَا إِلَيْهِمُ اثْنَيْنِ فَكَذَّبُوهُمَا فَعَزَّزْنَا بِثَالِثٍ فَقَالُوا إِنَّا إِلَيْكُمْ مُّرْسَلُونَ ﴿١٤﴾

Maksudnya: “(yaitu) ketika Kami mengutus kepada mereka dua orang Rasul, lalu mereka mendustakan keduanya; kemudian Kami kuatkan (kedua Rasul itu) dengan (Rasul) yang ketiga, Maka ketiga Rasul itu berkata: "Sesungguhnya Kami adalah orang-orang di utuskan kepada kamu".

(Pimpinan al-Rahman 36: 14)

Ayat 58 surah Yasin

سَلَامٌ قَوْلًا مِنْ رَبِّ رَحِيمٍ ﴿٥٨﴾

Maksudnya: “(mereka juga beroleh): Ucapan salam sejahtera dari Tuhan yang Maha Mengasihani”.

(Pimpinan al-Rahman 36: 58)

Ayat 5 surah Yasin

تَنْزِيلَ الْعَزِيزِ الرَّحِيمِ ﴿٥﴾

Maksudnya: (Al-Quran itu) diturunkan oleh Allah yang Maha Kuasa lagi Maha Mengasihani”.

(Pimpinan al-Rahman 36: 5)

Ayat 28 surah Yasin

﴿ وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَىٰ قَوْمِهِ مِن بَعْدِهِ مِن جُنْدٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَمَا كُنَّا مُنْزِلِينَ ﴾

Maksudnya: “dan Kami tidak menurunkan kepada kaumnya sesudah Dia (meninggal) suatu pasukan tentera dari langit (untuk membinasakan mereka) dan tidak perlu Kami menurunkannya”.

(Pimpinan al-Rahman 36: 28)

Ayat 8 surah Yasin

﴿ إِنَّا جَعَلْنَا فِي أَعْنَاقِهِمْ أَغْلَالًا فَهِيَ إِلَى الْأَذْقَانِ فَهُمْ مُّقْمَحُونَ ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami jadikan (kesombongan dan keengganan mereka tunduk kepada kebenaran sebagai) belunggu yang memberkas kedua tangan mereka ke batang leher mereka, (lebarnya belunggu itu) sampai (menongkatkan) dagu mereka lalu menjadilah mereka terdongak”.

(Pimpinan al-Rahman 36: 8)

### Rumusan Dan Perbincangan Kajian

Terdapat beberapa perkara yang boleh dirumuskan, antara lain seperti di bawah.

#### *Hadhf Al-Kalimah (Elipsis Perkataan)*

Dapatan kajian ini menunjukkan pemahaman ayat berunsur *al-Hadhf* di dalam surah Yasin dalam kalangan guru takmir di Selangor berada pada tahap yang luas iaitu mereka menyatakan terdapat unsur *Hadhf al-Kalimah* pada lima ayat iaitu ayat 5, ayat 8, ayat 14, ayat 28 dan ayat 58. Berdasarkan dapatan kajian, terdapat beberapa ayat al-Quran yang mengandungi unsur-unsur *al-Hadhf* yang dapat dikeluarkan dan ditafsirkan maknanya dalam surah Yasin. Al-Alusi (t.th) menyatakan ayat 12 dalam surah Yasin merupakan jenis *Hadhf al-Fi'l* *أحصينا* bagi mengelakkan daripada wujudnya kalimah yang sia-sia dengan sebab pengulangan. Selain itu juga *fi'il dihadhaf* untuk tujuan *taukid* dan *ta'kid* bagi memperkayakan makna serta meringkaskan (Muhammad Nor Husin 2006). Beliau juga menyatakan Isa bin Omar membaca ayat 1 daripada surah Yasin dengan berbaris di atas kerana beliau menganggap ia *di'irab* sebagai *'ism mabni* atau ianya *dii'rab* sebagai *maf'ul* kepada *fi'l* yang *dihadhf* iaitu *اتل* *يس*.

Seterusnya *Hadhf al-Maf'ul bih* terdapat di dalam ayat 6 daripada surah Yasin. Kata nama *اثنين* adalah *maf'ul bih* kepada kata kerja *أرسلنا* dan kata ganti nama yang berhubung *هما* merupakan *maf'ul bih* kepada kata kerja *كذب*. Seterusnya dalam ayat di atas terdapat *maf'ul bih* kepada kata kerja *عزز* yang dibuang. *Maf'ul bih* yang dibuang adalah kata ganti nama yang berhubung *هما*. Dari sudut pengkajian ilmu Balaghah pembuangan *maf'ul bih* ini adalah bertujuan untuk membawa makna yang padat dan tepat dengan menggunakan ayat yang ringkas iaitu (فن الإيجاز). Menurut al-Darwisy (1994), pembuangan *maf'ul bih* ini juga, untuk menguatkan lagi tentang kebenaran Rasul-Rasul Allah SWT dengan penuh.

Selain itu, terdapat juga *Hadz al-Mudaf*, iaitu seperti yang terdapat di dalam surah Yasin ayat 25 yang terletak pada kalimah *بربكم* dan di-taqdirkan dengan *فاسمعون ربكم*.

*Taqdir* pada ayat tersebut cukup memperjelas teks ayat, meskipun sebenarnya tanpa *taqdir* pun ayat tersebut cukup mudah difahami. Isi dari ayat tersebut adalah pernyataan keimanan kepada Allah sebagaimana difahami dari *إني أمنت*. Melihat kepada *taqdir* (keesaan) tersebut sebenarnya secara maknawi telah terkandung di dalam kalimat di mana keimanan sebagaimana pada kata *أمنت* adalah percaya terhadap segala zat Allah termasuklah keesaanNya (al-Salami 1999). Akhir sekali ialah *Hadhf Maf'ul* juga terdapat di dalam surah Yasin ayat 66. Pada ayat tersebut terjadi *al-Hadhf* karena tidak adanya *maf'ul* dari lafadz *ولو نشاء* dan ditaqdirkan dengan *طمس أعينهم*. *Taqdir* ayat tersebut *ولو نشاء طمس أعينهم لطمسنا* iaitu jika Kami menghendaki (terhapusnya penglihatan mereka) pasti Kami hapus penglihatan mereka (Mahmud 1990).

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan selain daripada ayat 58, ayat 8, ayat 5, ayat 28 dan ayat 14 mengandungi unsur *Hadhf al-Kalimah* ada beberapa ayat lain di dalam surah Yasin yang mempunyai unsur *Hadhf al-Kalimah* seperti ayat 1, ayat 6, ayat 12, ayat 25 dan ayat 66.

### **Cadangan**

Beberapa cadangan yang boleh ditambahbaik adalah seperti berikut;

#### ***Penterjemah Al-Quran***

Para penterjemah al-Quran perlu lebih fokus kepada kewujudan *al-Hadhf* dalam al-Quran dan perkaitannya dengan ilmu Balaghah. Bahasa al-Quran mengandungi gaya bahasa yang indah dan mempunyai makna yang kaya dengan hikmah dan kebaikan bagi manusia. Uslub atau gaya bahasa yang terdapat di dalam al-Quran perlu diketahui oleh semua lapisan masyarakat bagi memudahkan mereka mengamalkan kehidupan berlandaskan ajaran Allah SWT.

#### ***Penerbitan Karya Ilmiah***

Pihak penerbitan perlu menerbitkan buku panduan atau tafsir al-Quran yang khusus berkaitan ayat-ayat al-Quran yang mengandungi unsur *al-Hadhf*. Buku panduan atau modul tersebut perlulah diedarkan di masjid-masjid atau surau-surau. Seterusnya, penerangan yang jelas berkaitan buku tafsir al-Quran perlulah diberikan kepada guru-guru takmir dan para pendakwah.

Pihak yang berwajib perlulah memberi galakan kepada para guru terutamanya para guru takmir mendalami unsur-unsur *al-Hadhf* di dalam al-Quran. Hal ini dirasakan perlu terutamanya bagi menentukan kesahihan maklumat serta meningkatkan kefahaman ayat-ayat al-Quran memandangkan guru takmir memainkan peranan yang besar dalam menyampaikan dakwah dan ilmu agama kepada masyarakat.

### **Kesimpulan**

Kewujudan Elipsis (*al-Hadhf*) merupakan satu keistimewaan bagi al-Quran. Berdasarkan pentafsiran para *mufassir* pada ayat-ayat al-Quran yang terlibat dengan Elipsis (*al-Hadhf*), memberi petunjuk jelas bahawa al-Quran diturunkan daripada Allah SWT kepada umat manusia. Hal ini turut menjelaskan bahawa bahasa Arab yang termaktub di dalam al-Quran merupakan bahasa Arab tinggi yang sarat dengan keindahan dan kedalaman makna dan perlu difahami berlandaskan ilmu. Manusia perlu memiliki ilmu untuk memahami wahyu Allah SWT serta menggunakan akal fikiran untuk memanfaatkan khazanah yang terdapat dalam al-Quran ini.

Perlu dijelaskan bahawa Elipsis atau *al-Hadhf* ini tidak membawa pengertian bahawa al-Quran itu tidak sempurna. Sebaliknya, uslub atau gaya bahasa ini memberi gambaran bahawa al-Quran itu amat istimewa kerana kewujudan Elipsis (*al-Hadhf*) pada sesuatu ayat al-Quran membawa pengertian tertentu, yang kemudiannya dikaji dan ditafsir oleh para *mufasssir*. Keadaan ini secara langsung membuktikan bahawa Elipsis (*al-Hadhf*) merupakan antara keistimewaan al-Quran dan bukannya kekurangan. Sesungguhnya, telah jelas bagi orang yang beriman bahawa al-Quran merupakan sebuah kitab yang sempurna dan tiada sebarang syak dan keraguan di dalamnya serta ia akan terus kekal terpelihara dalam pemeliharaan Allah SWT.

Keseluruhan hasil kajian menunjukkan kefahaman guru takmir terhadap ayat-ayat *al-Hadhf* berada pada tahap yang memuaskan. Kefahaman ayat-ayat al-Quran memberikan sumbangan yang besar kepada pemahaman guru takmir terhadap pentafsiran ayat-ayat al-Quran khususnya berkaitan unsur-unsur *al-Hadhf*. Dalam penggunaan tafsir, perhatian perlu diberikan kerana penyelewengan ayat-ayat al-Quran pada zaman sekarang sangat mudah berlaku terutamanya disebabkan oleh kefahaman yang dangkal dalam mentafsirkan ayat-ayat berkenaan. Oleh itu, usaha memberi kefahaman dan ilmu perlu diutamakan bagi menjaga keaslian al-Quran itu sendiri.

### Rujukan

Al-Quran al-Karim dan terjemahan.

- ‘Abd al-Hafiz bin Muhammad Nur al-Hindi. (2012). *Tibyan fi Syarh Mawrid al-Zam’an li Mu’allifih Abi Muhammad ‘Abd Allah bin ‘Umar al-Sunhaji Ibn Ajatta*. Fakulti al-Quran al-Karim, Universiti Islam al-Madinah al-Nabawiyah.
- Abd Rahman Abd Ghani. (2003). *Sejarah Rasm Al-Quran: Tumpuan Utama Kepada Rasm ‘Uthmani*. Tesis MA, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abd Rahman Abd Ghani. (2009). *Pemeliharaan Al-Quran: Kajian Di Unit Kawalan Teks Al-Qur’an Kementerian Keselamatan Dalam Negeri*. Tesis Dr. Fal, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdullah Basmeih. (2013). *Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Quran (Cet. ke-22)*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ahmad Baha’ Mokhtar. (2015). *Hadhf dan Ithbat Al-Alif dalam Ilmu Rasm Uthmani: Kajian Terhadap Tiga Mushaf Terpilih*. Tesis Dr. Fal, Jabatan al-Quran dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Khalid Syukri. (2010). *Al-Tarjih wa al-Ta’lil li Rasm wa Dabt Ba’d Kalimat al-Tanzil*. *Jurnal al-Imam al-Syatibi li al-Dirasat al-Qur’aniyyah*, (3), 215-272.
- Aini Hassan. (1996). *A Study of Malaysian History Teachers’ Subject Method Pedagogical Context Knowledge*, Tesis Ed.D yang tidak diterbitkan, Monash University Australia.
- Al-Alusiy, Abu al-Fadl Syihab al-Din al-Sayyid Mahmud. t.th. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy.
- Al-Salami al-Syafi’i. (1999). *Majaz al-Quran*. London: Mu’assasah al-Furqan li al-Turath al-Islami Al-Furqan Islamic Heritage Foundation.
- Barbour Rosaline S. (2007). *Introducing Qualitative Research: A Student's Guide to the Craft of Doing Qualitative Research*. Paperback.
- Bashir Hasan Himyari. (2010). *Al-Muqni’ fi Ma’rifah Marsum Masahif Ahl al-Amsar, li Abi ‘Amr al-Dani d. 444H: Dirasah wa Tahqiq*. *Jurnal al-Imam al-Syatibi li al-Dirasat al-Qur’aniyyah*, (3), 215-272.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (1998). *Qualitative Research of Education: An Introduction to Theory and Method*. Edisi ke-3. Boston: Allyn & Bacon.

- Elly, M., Anzul, M., Friedman, T., Gardner, D. & Steinmetz, A. M. (1998). *Doing Qualitative Research: Circles Within Circles*. Great Britain: The Falmer Press.
- Farhana Idris & Munirah Azrae. (2015). Keberkesanan Pengajaran Bahasa Arab Untuk Pemahaman Ayat Al-Quran. *E-Proceeding of the International Conference on Social Science Research*, 890-900. Kuala Lumpur: Melia Hotel.
- Jorgensen, D. L. (1989). *Participant Observation: a Methodology for Human Studies: Applied Social Research Method Series*. Newbury Park, California: SAGE Publication.
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Ismail Mustari & Siti Fauziyani Md Saleh @ Masrom. (2004). Pengaruh Pemikiran Al-Nawawi Dalam Metodologi Pendidikan dan Pendakwaan Terhadap Guru-Guru Takmir Di Negeri Johor. *Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid di Asiana Resort, Langkawi, 25-27 September*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Mahdi 'Abd Allah Qari. (1422 H). Tahqiq Wa Dirasah Kitab al-Jawahir al-Yara'iyah Fi Rasm al-Masahif al-'Uthmaniyyah Li Muhammad Bin Ahmad al-'Awfi.
- Mahmud, Said Ahmad. (1990). *Al-hadhf wa al-Taqdir fi al-Quran al-Karim*. T.tp: Universiti Islam Bahawul Bur.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. Edisi ke-2. San Francisco: Jossey-Bass Inc.
- Merriam, S. B. (2015). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation 3rd Edition*. Paperback.
- Mohd Shahrizal Nasir. (2017). Elipsis (*al-Hadhf*) dalam al-Quran sebagai Satu Petunjuk Ketinggian Bahasa Arab Kalamullah. *Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning*, (25), 159-179.
- Muhammad Nor Husin. (2006). Al-Zahirah Al-Hadf Fi Surati Hud Wa Yasin Dirasatu Nahwiyyah Wa Balaghiyyah. Tesis Master, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Muhammad Salim Harisyah. (2006). *Al-Tanbih al-'Atsyan 'ala Mawrid al-Zam'an li Abi Husayn bin 'Ali bin Talhah al-Rajraji al-Syusyawi al-Mutawaffa Sanah 899 H*. Tesis Sarjana, Fakulti Sastera dan Sains, Universiti al-Muraqqab, Libya.
- Robson, C. (2002). *Real World Research: A Resource for Social Scientist-Researchers* (2<sup>nd</sup> ed.). Oxford: Blackwell Publishers Ltd.
- Seidman, I. (1998). *Interviewing as Qualitative Research*. New York: Teachers College Press.
- Shuhadak Mahmud dan Iknor Azli Ibrahim. (2014). Pelaksanaan Program Takmir Sebagai Medium Pengimarah Masjed di Negeri Sembilan. *Jurnal Al-Hikmah*, 6(2), 53-64.
- Taylor, S. J. & Bogdan, R. (1984). *Introduction to Qualitative Research Method*. Edisi ke-2. New York: Wiley.
- Wan Hasmah Wan Mamat. (2000). Values education in Malaysia schools: Facing the challenges of government policy in vision 2020. Tesis PhD, Monash University, Australia.
- Wan Rohani, Wan Mokhtar. (2012). Penggunaan uslub khabari dalam Al-Quran: Kajian terhadap Surah Yasin. Disertasi Master Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Yin, R. K. (1994). *Case Study Research: Design and Methods*. Edisi ke-2. Thousand Oaks: Sage Publications, Inc.